

Sokong usaha bina litar lumba

Langkah itu dilihat jalan terbaik bendung lumba haram

KUALA LANGAT - Cadangan Pemuda Pas Kuala Langat supaya mewujudkan sebuah litar lumba yang sesuai bagi peminat sukan motosikal di negeri ini bakal terlaksana.

Ketuanya, Hairul Nizam Toha berkata, beliau menyokong penuh usaha itu sekaligus ia merupakan jalan terbaik mengurangkan lumba haram di Selangor.

"Kita di peringkat pemuda sebenarnya dah beberapa kali usulkan perkara ini.

"Alhamdulillah, jika benar kerajaan negeri nak usahakan sebuah litar lumba motosikal yang mampu milik dan sesuai, kami sokong...lagi pun litar di Sepang tak mampu anak-anak muda ni nak biaya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika mengulas kenyataan Exco Pembangunan Generasi Muda dan Sukan Kebudayaan Selangor, Amirudin Shari yang memaklumkan kerajaan negeri sedang berusaha mencari tapak untuk digunakan oleh masyarakat.

Hairul Nizam berkata, usaha itu mampu mencungkil bakat-bakat baharu dalam sukan perlumbaan motosikal.

"Jalan raya sebenarnya adalah kawasan merbahaya, sekurang-kurangnya dengan adanya litar mampu milik itu beri peluang kepada anak muda untuk bertukar dengan lebih sihat dan terkawal.

"Saya yakin hasrat kerajaan negeri realisasikan impian mereka dapat dilaksanakan dengan pertambahan pelbagai aktiviti motosikal yang kini dianjurkan di setiap daerah," katanya.

Sementara itu, Ahli Majlis, MDKL, Mohd Afiq Tuniman berkata, beliau menyokong usaha kerajaan

Kenal pasti tapak bina litar lumba

SEKELUAS dengan perancangan pembangunan sebuah litar lumba motosikal yang mampu milik dan sesuai, Pemuda Pas Kuala Langat telah mengenal pasti tapak bina litar lumba motosikal yang mampu milik dan sesuai di Sepang.



Mohd Hafiz (dua, kanan) merasmikan Program SAS Peringkat Daerah Sepang.

Laporan Sinar Harian, semalam.



MOHD AFIQ



HAIRUL NIZAM

an negeri untuk membina litar lumba mampu milik dan ia sebenarnya patut dilaksanakan dari awal lagi.

Bagaimanapun, pelaksanaan litar lumba ini perlulah ada ciri-ciri yang dapat menarik minat golongan belia.

"Ciri-ciri yang perlu ada ialah yuran kemasukan yang murah dan harga mampu milik untuk semua lapisan belia muda.

"Paling penting, pembinaan litar lumba perlu mengikut spesifikasi sebenar dan cenderung pada konsep pusat rekreasi sukan permotoran iaitu mesra pengguna dan mempunyai kemudahan gerai makanan.

"Hal ini juga, boleh dilihat melalui kewujudan litar Sepang, perlu dititikberatkan dengan membuat penambahbaikan dari segi kemudahan dan yuran kemasukan yang lebih mesra kerana tidak semua golongan terdedah dengan kewujudan litar Sepang ini," katanya kepada pemberita

ketika ditemui di sini.

Pada November 2013 lalu, Sinar Harian pernah melaporkan kenyataan Hairul Nizam yang mengharapkan agihan untuk belia dapat diberi perhatian untuk merangka sebuah negeri yang maju dan memiliki belia yang berkualiti.

Menurutnya, bajet infrastruktur juga diharapkan dapat digunakan sepenuhnya dalam usaha pembangunan semula Pantai Kelanang supaya dijadikan sebuah lokasi litar lumba motosikal seperti mana litar lumba motor di Batu 3 Shah Alam dahulu.

Terdahulu, beliau pernah mencadangkan kawasan itu sesuai untuk menjadi lokasi anak muda beriadah menggunakan motosikal sekali gus mengelakkan lumba haram di jalanan.

HEBAHKAN AKTIVITI KOMUNITI ANDA
email: mohd.haniffah@sinarharian.com.my



Mohd Hafiz (dua, kanan) merasmikan Program SAS Peringkat Daerah Sepang.

Sahut seruan satu rumah, satu aerosol

SEPANG - Majlis Perbandaran Sepang (MP-Sepang) terus menyahut seruan pencegahan denggi dalam setiap kawasan seliaan mereka.

Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang, Mohd Hafiz Shaari berkata, program itu bertujuan memberi pendedahan kepada rakyat bahawa pencegahan denggi boleh dimulakan di dalam rumah dengan menggunakan aerosol bagi tujuan menghapus nyamuk dewasa.

Menurutnya, dengan konsep 'satu rumah, satu aerosol' itu memberi peluang kepada masyarakat untuk melihat keberkesanannya supaya dapat mengurangkan kes denggi.

"Kita akan teruskan program ini selama tiga bulan untuk melihat hasilnya ter-

hadap pengurangan kes demam denggi di Selangor.

"Walaupun Program Semburan Aerosol Selangor (SAS) Peringkat Daerah Sepang ini turut dijalankan serentak seluruh negeri namun kita akan pastikan ia dapat sambutan," katanya sempena Pelancaran Program SAS Peringkat Daerah Sepang.

Mohd Hafiz berkata, di peringkat daerah Sepang, Pangsupuri Megah Villa, Kota Warisan telah dipilih sebagai lokasi perasmian di mana Ahli Majlis Zon Kota Warisan, Gun Chee Hui turut hadir memeriahkan program.

Katanya lagi, majlis itu turut mendapat kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Sepang dan Pejabat Tanah/ Daerah Sepang, Sunsuria Sdn Bhd dengan melibatkan

pekerja seramai 30 orang.

Turut hadir membantunya adalah persatuan pengakap (Sungai Pelek) dengan menghantar 16 peserta.

Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah pameran kesihatan mengenai kesedaran pencegahan wabak denggi daripada pihak majlis serta PKD Sepang, Larvaciding hapus dan musnah tempat-tempat pembiakan serta pemberian abate dab aerosol dari rumah ke rumah.

Disamping itu, pendidikan kesihatan juga diberikan semasa lawatan rumah ke rumah dengan penyertaan keseluruhan lebih kurang 200 orang termasuk penduduk setempat, pengakap daerah, pekerja tapak bina, kakitangan dan ahli majlis MP-Sepang.



KLIK Rombongan Lawatan Muhibbah Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Perseluktan (JKKP) Kampung Bukit Kapar ke Kampung Bandar, Babal Belia, Kampung Ebandar. Rombongan delegasi yang diketuai Pengarah JKKKP Karung Bukit Kapar, Mekhlias Ahmad Suparno itu bertujuan untuk melihat peluang dan pengalaman pihak JKKKP Kampung Bandar dalam membangunkan dan memajukan koperasi.